

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: School Of Economics, Finance and Banking
Sent: Wednesday, April 5, 2017 3:16 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Yusnidah Bt Ibrahim; Hasliza binti Hassan
Subject: LAWATAN PENANDAARASAN KE MPC PETALING JAYA

SCHOOL OF ECONOMICS, FINANCE AND BANKING



05 APRIL 2017 | 08 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

"LAWATAN PENANDAARASAN KE MPC PETALING JAYA"

Gambar oleh: Ahmad Shukri Harun
Berita oleh : Bashirah Hussain



SEFB ONLINE: Pada 31 Mac 2016 (Jumaat), staf pentadbiran Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) dan Pejabat PNC COB telah mengadakan lawatan ke Malaysia Productivity Corporation (MPC), Petaling Jaya. Program ini melibatkan 15 orang staf pentadbiran yang diketuai oleh Puan Hasliza Hassan, Penolong Pendaftar SEFB.

Sepanjang lawatan penandaarasan ini, Encik Andra Syahrizal, iaitu Pegawai MPC telah berbincang dan berkongsi pandangan dalam pelbagai isu yang berkaitan. Antaranya, pembudayaan 5S/QE yang memerlukan komitmen daripada pengurusan tertinggi jabatan dan semua staf dalam menyediakan tempat kerja yang kondusif. Sebagai mendukung hasrat kerajaan ke arah penjimatan, pihak MPC turut memberi penjelasan kepada ahli rombongan tentang model baru 5S/QE yang berkaitan dengan penjimatan. Contohnya; penjimatan masa dari segi servis kepada pelanggan. Beliau turut menekankan bahawa pengurusan moral individu merupakan ejen utama untuk menjamin 5S/QE diamalkan secara berterusan ['S' yang kelima iaitu SHITSUKE/ Sentiasa Amal/ Self-discipline] di setiap pusat tanggungjawab.

Semoga lawatan ini akan menggiatkan usaha dalam memastikan 5S/QE dilaksanakan sepenuhnya melalui komitmen semua staf pentadbiran. Selain daripada memperkasakan amalan dan pembudayaan 5S di SEFB, lawatan ini juga akan menjadi *platform* dalam usaha ke arah pensijilan MPC pada masa akan datang.

HABIS.

=====

School of Economics, Finance and Banking

Economics Building
UUM College of Business,
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok, Kedah.
EXT: 04- 928 6757/6758/6763/6766
FAX: 04- 928 6752



"Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu." (Please don't print this e-mail unless necessary)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.